

DATE: 30/6/2008

Dr Wan Azizah pertahan suami

BH- 30/6/2008

Presiden PKR dakwa tuduhan sebagai satu lagi konspirasi politik terhadap Anwar

SHAH ALAM: Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mempertahankan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada dakwaan meliwat seorang pembantunya dan mendakwa tuduhan terbaru itu sebagai satu lagi konspirasi politik terhadap suaminya.

"Ini (tuduhan) hanya rekaan semata-mata dan konspirasi kedua (terhadap Anwar)," katanya pada sidang akhbar bersama Timbalan Presiden parti, Dr Syed Husin Ali.

Beliau turut menunjukkan gambar lelaki yang membuat dakwaan itu bersama seorang pegawai kanan di Pejabat Timbalan Perdana Menteri yang didakwa diterima menerusi khidmat pesanan

ringkas (SMS).

Semalam, seorang lelaki berumur 23 tahun membuat laporan di balai Polis Travers dengan mendakwa diliwat pemimpin itu di sebuah tempat di ibu negara pada 26 Jun lalu.

Wan Azizah berkata polis sehingga ini belum mengambil keterangan daripada suaminya berhubung dakwaan berkenaan.

Hadir sama pada sidang media itu adalah Timbalan Presiden, Syed Husin Ali; Naib Presiden, Mohamed Azmin Ali; Ketua Penerangan, Tian Chua dan anak Anwar, Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Terdahulu wakil media menunggu kehadiran Anwar untuk tampil menjelaskan dakwaan itu, sebaliknya diberitahu penasihat PKR berkenaan berada di tempat selamat kerana bimbang keselamatan, termasuk ancaman bunuh yang diterimanya sejak seminggu lalu.

Mohamed Azmin pula memberitahu persidangan media, Anwar sedang bersembunyi dan tidak dapat hadir sidang akhbar itu kerana bimbang keselamatannya berikutan menerima ancaman baru-baru ini yang boleh menggugat nyawanya.



TUNJUK BUKTI: Wan Azizah, sambil diperhatikan Syed Husin, menunjukkan gambar lelaki yang mendakwa diliwat Anwar yang dirakam melalui telefon bimbit pada sidang media di Shah Alam, semalam.

"Keputusan menyembunyikan diri diputuskan mesyuarat pimpinan PKR bagi menjaga keselamatan Datuk Seri Anwar," katanya.

Wan Azizah yang ditanya enggan

memberikan sebarang komen berhubung dakwaan ancaman yang membahayakan nyawa seperti yang diterima suaminya.

Namun, lewat petang semalam An-

war mengeluarkan kenyataan daripada Kedutaan Turki di Kuala Lumpur beliau berlindung di kedutaan itu kerana bimbang keselamatan diri.

“Ini (tuduhan) hanya rekaan semata-mata dan konspirasi kedua (terhadap Anwar)”

Dr Wan Azizah Wan Ismail
Presiden Parti Keadilan Rakyat